



## **FASYALI FADZLY SAIPUL BAHRI**

### **LATAR BELAKANG**

Beliau merupakan seorang Pengajar, Pengarah, Dramatis dan Penulis. Selepas beliau gagal di dalam bidang Sains Komputer, beliau memilih bidang Teater dan berpeluang menggapai impiannya untuk memberikan komitmen dalam membangunkan teater dari akar umbinya.

Beliau yang merupakan pemegang Ijazah Sarjana Seni Halus di *University of Calgary*, Kanada sering mementaskan karya-karya satira sosial dan beliau percaya pendekatan komedi membenarkan banyak konvensi serta inovasi bukan sahaja di dalam penulisan skrip tetapi juga di dalam mencari bentuk baharu persembahan.

### **PENCAPAIAN**

Beliau juga pernah menulis dan mengarah karyanya sendiri seperti Teater Juta-Juta yang telah merangkul Anugerah Pengarah Terbaik, Skrip Asal Terbaik dan Persembahan Kumpulan Terbaik dalam *Boh Cameronian Arts Award 2014*, selain itu, beliau juga menulis dan mengarah *Berani Mati*, *Kotak Hitam*, dan *Kawan-Kawan Yang Kita Suka*.

*Oedipus*, *'Art'* dan *Jebat* adalah teater yang diarahkan beliau tetapi ditulis oleh penulis lain. Pada tahun 2017, beliau dijemput untuk menyertai *One Table Two*

*Chairs Meeting* di Tokyo dan berpeluang untuk mementaskan persembahan pendek selama 20 minit bertajuk Ingatan di *Za-Koenji Public Theatre*, Tokyo.

Beliau turut menulis review dan artikel berkaitan teater yang diterbitkan oleh laman web tempatan dan antarabangsa. Beliau juga pernah berlakon di dalam filem, filem pendek, iklan, dan program TV. Salah satu filem pendek yang ditulis dan dilakonkan adalah Skodeng: Kebenaran Yang Nakal di mana filem pendek ini telah memenangi Filem Terbaik, Skrip Terbaik dan Pengarah Terbaik untuk *KL 48 Hours Film Project* dan terpilih untuk mewakili Malaysia dalam *International 48 Hours Film Project* di Miami pada tahun 2010.

Beliau juga merupakan salah seorang Penerima Anugerah Biasiswa Akademi ASWARA, dan kini berkhidmat di ASWARA sebagai Pensyarah di Fakulti Teater.